

15/16200'

20



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

## **YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN SANTUNI KOMUNITI PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 9 SEPTEMBER 2020** – Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tan Sri TPr. Annuar Haji Musa meluangkan masa menyantuni warga Putrajaya di Program Bubur Asyura Bersama Komuniti di Surau An Najah, Presint 9, Putrajaya.

Turut serta memeriahkan majlis ialah Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Pengerusi Zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP), YBhg. Datuk Shokri bin Shafee dan Pengerusi Surau An Najah Presint 9, YBhg. Dato' Ab Rahman bin Awang.

Program anjuran bersama Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya (PPj), Majlis Perwakilan Penduduk dan Surau An Najah Presint 9 bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan silaturrahim di kalangan komuniti Putrajaya bersama pemimpin.

Program aktiviti gotong royong memasak enam (6) buah kawah bubur asyura ini melibatkan seramai 100 orang peserta yang diketuai oleh Puan Halimah binti Hamat. Terdapat dua (2) jenis resepi iaitu resepi pantai timur dan utara. Sebanyak 1,200 bekas akan diagihkan kepada komuniti Putrajaya, qariah surau An Najah dan tetamu yang hadir.

Keterangan lanjut berhubung Program Bubur Asyura Bersama Komuniti Program Bubur Asyura Bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan, sila hubungi Pegawai Media PPj, Mohamad Fitri Bin Norsalim ditalian 03-88877258 / 011-10688347.

**(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 09 September 2020